
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

HTV 201 – TEKNIK BERFIKIR

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

1. Tuliskan **NAMA TUTOR DAN PUSAT PENGAJIAN ANDA** di sudut atas bahagian kanan kulit buku jawapan anda. Anda tidak dibenarkan menulis nama dan nombor matrik anda pada kertas jawapan.
2. Kertas ini mengandungi tiga bahagian. Jawab SATU soalan dari bahagian A, SATU soalan dari bahagian B dan SATU soalan dari bahagian C. Sumbangan markah setiap soalan di Bahagian A dan B ialah 40 markah, di Bahagian C ialah 20 markah.
3. Setiap jawapan tidak boleh melebihi 3 halaman.

Bahagian A

1. Kes jenayah yang melibatkan warganegara asing semakin membimbangkan. Dengan menggunakan teknik berfikir yang sesuai, bincangkan punca dan langkah yang boleh diambil untuk menangani masalah ini.

[40 markah]

2. Kegagalan segelintir masyarakat Malaysia menguruskan kad kredit dengan baik semakin menimbulkan masalah dan ia dikatakan salah satu sebab utama ramai pemilik kad kredit menjadi muflis.

Dengan menggunakan teknik berfikir yang sesuai:

- [a] Bincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah ini.
- [b] Janakan LIMA idea kreatif untuk membendung masalah ini.
- [c] Nilaikan idea-idea yang telah anda janakan.

[40 markah]

Bahagian B

3. Kemerosotan kadar kehadiran pelajar dalam kuliah merupakan antara masalah utama di institusi pengajian tinggi di negara ini.

[a] Gunakan segitiga konsep untuk menjana idea-idea kreatif yang boleh dilaksanakan oleh pihak pentadbir universiti untuk mengatasi masalah ini.

[b] Nilaikan cadangan anda dengan menggunakan topi hitam dan topi kuning.

[40 markah]

4. Menteri Keusahawanan dan Asas Tani, Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin telah mempopularkan slogan 'pertanian adalah perniagaan' sebagai usaha untuk mengubah stigma para graduan daripada terlalu bergantung kepada kerajaan dalam menyediakan peluang pekerjaan.

Gunakan pemikiran kreatif secara analisis dan desain untuk mencadangkan langkah-langkah yang boleh dijalankan oleh pihak Institut Pengajian Tinggi dalam menerapkan minat graduan terhadap bidang pertanian.

[40 markah]

5. Ibubapa zaman kini amat mementingkan kelas tuisyen untuk memastikan kecemerlangan pelajaran anak mereka. Dengan menggunakan ENAM topi berfikir, bincangkan kewajaran kelas-kelas tuisyen.

[40 markah]

Bahagian C

6. Jelaskan ciri-ciri dan kegunaan pemikiran analitikal.

[20 markah]

7. Huraikan dengan jelas apakah yang dimaksudkan dengan anjakan paradigma.

[20 markah]